



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
(JURNAL HARIAN)**

**PADA HARI RABU, 10 SYAABAN 1442 / 24 MAC 2021
(HARI KESEPULUH)**

1. DOA SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

- Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah membuat kenyataan bagi menambah dan membuat pembetulan kepada pembentangan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah membuat kenyataan bagi menjawab kepada persoalan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari pada hari Selasa, 23 Mac 2021 sewaktu membahaskan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pembangunan.

2.1. KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menyambung untuk menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi iaitu Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A.
- 2.1.2. Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah menjawab persoalan-persoalan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada hari Selasa, 23 Mac 2021.
- 2.1.3. Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.2. KEMENTERIAN KESIHATAN

- 2.2.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Kesihatan iaitu Tajuk SM01A.

- 2.2.2. Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyampaikan mukadimahnyanya mengenai dengan hala tuju anggaran Kementerian Kesihatan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.2.3. Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Di-lantik akan menghadapi soalan secara bertulis kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.
- 2.2.4. Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.3. **KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

- 2.3.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A.
- 2.3.2. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyampaikan mukadimahnyanya mengenai dengan hala tuju anggaran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.3.3. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:
 - i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu
 - Memohon pencerahan akan sambutan anak-anak tempatan bagi mengikuti Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan ingin mengetahui statistik jumlah keseluruhan pelatih-pelatih yang telah tamat latihan PKBN.
 - Ingin mengetahui sekiranya ada perancangan untuk meningkatkan pengambilan program PKBN.
 - ii. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon
 - Menyoalkan sekiranya kursus dan latihan kemahiran bagi mendapatkan pekerjaan dan program bantuan keusahawanan akan terus dilaksanakan pada tahun ini walaupun tiada diberikan sebarang peruntukan.

- Menyoalkan apakah usaha-usaha lain bagi mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) Jabatan Pembangunan Masyarakat dalam memberi bantuan kepada penerima-penerima bantuan untuk mendapat pekerjaan dan menceburi bidang keusahawanan.
- iii. Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung
- Ingin mengetahui program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan bagi mendedahkan 7 puak Melayu Brunei termasuklah memperkenalkan warisan sejarah dan budaya, dan mengenali bahasa dan dialek 7 puak kepada generasi muda.
 - Menyoalkan jika ada akta-akta tertentu dibawah Dewan Bahasa dan Pustaka bagi memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam.
- iv. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit
- Mencadangkan untuk mengadakan satu majlis penghargaan bagi atlet-atlet veteran yang pernah mengharumkan nama negara dalam pertandingan-pertandingan sukan.

[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

- 2.3.4. Jawatankuasa telah menyambung untuk membahaskan tajuk dibawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A.
- 2.3.5. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:
- i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad

- Mencadangkan menghidupkan kembali program *Professionalisation of Youth Work*.
- Mencadangkan penjagaan serta latihan penjagaan warga emas dari segi *elderly caretaker services* dan pusat penjagaan warga emas di setiap kampung atau kawasan perumahan.
- Mencadangkan program peningkatan kemahiran (*upskilling*) kepada orang ramai untuk mendapatkan sijil *elderly caretaking*.
- Mencadangkan penubuhan skim simpanan dari umur muda untuk penjagaan di umur tua.

ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari

- Mencadangkan untuk mewujudkan pusat industri belia.
- Mencadangkan untuk menubuhkan koperasi belia kebangsaan.
- Mencadangkan untuk menubuhkan sebuah perpustakaan Negara yang berkonsepkan komersial dan ditempatkan restoran dan kafe.
- Mencadangkan pemberian insentif kepada ahli penyelidik dan pengkaji sejarah.

iii. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin

- Mencadangkan pihak berwajib dan persatuan berkenaan untuk mengerakkan kempen kesedaran penderaan kanak-kanak secara komprehensif bagi menangani masalah ini.

iv. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman

- Ingin mengetahui strategi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memastikan keadaan kehidupan rakyat dapat dipantau atau diketahui sebelum kedaifan dan kemiskinan.

- v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim
 - Mencadangkan untuk menyemarakkan lagi sambutan bulan bahasa.
 - Memohon pencerahan sama ada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mencari tokoh wira bahasa dari orang perseorangan atau kumpulan ataupun kluster tertentu.

- vi. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu
 - Memohon pencerahan lanjut mengenai dengan inisiatif dan perancangan berkaitan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) dalam membantu PKWE untuk menjana perekonomian pusat tersebut.
 - Mencadangkan untuk mewujudkan tabung dana kebajikan bagi warga emas.
 - Mencadangkan untuk memberi penghargaan kepada Ahli PKWE yang aktif semasa sambutan Hari Warga Emas Sedunia.

- vii. Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari
 - Mencadangkan supaya melantik wakil dari setiap bidang-bidang kreatif sebagai ahli jawatankuasa pandu Majlis Industri Kreatif.
 - Mencadangkan untuk menambah jumlah pegawai dan pekerja sosial dan diberikan latihan bersesuaian bagi menangani isu sosial yang semakin meningkat.

2.4. **KEMAJUAN**

- 2.4.1. Jawatankuasa telah menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan iaitu Tajuk SP01A.
- 2.4.2. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah menyampaikan mukadimahya mengenai dengan hala tuju anggaran Kemajuan.

**[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA
PADA 25 MAC 2021 JAM 9.30 PAGI]**
